


1 - 15 NOVEMBER, 2023

PENANG 2030

PERCUMA

# BULETIN MUTIARA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Doakan terbaik buat Hawari

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **LEMBAGA MUZIUM PULAU PINANG**

**GEORGE TOWN -** Majlis bacaan Yasin dan doa selamat diadakan di Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang sempena memperingati pendaki negara, Muhammad Hawari Hashim, 33, yang berjaya menawan Gunung Everest pada 19 Mei sebelum dilaporkan hilang.



AZIM Afif Ishak.

Pengarah Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang (LMNPP), Haryany Mohamad dalam ucapannya merakamkan pengharapan supaya operasi mencari dan menyelamat (SAR) yang tertangguh sebelum ini dapat diteruskan pada masa hadapan.

"Di mana jua (Muhammad) Hawari berada, di alam mana juga (Muhammad) Hawari berada, kami doakan yang terbaik untuk dia," jelasnya dalam ucapan di sini sebelum menyampaikan sumbangan kepada Safiyyah Tang Xie Li, iaitu isteri kepada Muhammad Hawari.



**MUHAMMAD Hawari Hashim mengibarkan bendera negeri Pulau Pinang ketika menyertai ekspedisi mendaki Gunung Everest. Foto: *Facebook Hawari Warie.***

Serentak pada majlis sama, Ketua Misi Ekspedisi Malaysia ke Gunung Everest, Azim Afif Ishak turut berkongsi pengalaman saat akhir berkomunikasi menerusi radio, sebelum gagal dijejaki oleh *sherpa* (malim gunung) serta anggota operasi mencari dan menyelamat (SAR) yang terlibat.

*(Sambungan di muka 5).*



**RAKAMAN gambar Muhammad Hawari yang menjadi tatapan khas bersempena majlis yang diadakan.**

# Prinsip keikhlasan dan integriti terus dipegang

**PADA** 16 Ogos lalu, beliau mengangkat sumpah sebagai Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang. **DATO' DR. MUHAMAD ABDUL HAMID** kemudiannya ditaklifkan memegang portfolio Exco Pembangunan Agama Islam, Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Perpaduan Masyarakat.

Baru-baru ini, wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR** berpeluang menemu ramah Dr. Mohamad di pejabatnya.

Memulakan bicarawara, Dr. Mohamad, 49, berkata bahawa beliau pada Pilihan Raya Negeri Ke-15 (PRN15) lepas bertanding atas tiket Parti Keadilan Rakyat (PKR) di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) N37 Batu Maung dan menang dengan majoriti 3,221 undi.

Namun, beliau memberitahu bahawa sama sekali tidak menjangkakan akan ditaklifkan sebagai Timbalan Ketua Menteri I di bawah pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

"Dengan pengalaman selama dua setengah tahun menjadi Rektor Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) Pulau Pinang, mungkin saya akan dicadangkan sebagai Exco yang akan menjaga portfolio berkaitan agama seperti Dato' Abdul Malik Abul Kassim sebelum ini, tetapi saya tidak menyangka akan ditaklifkan sebagai Timbalan Ketua Menteri I.

"Dalam tempoh kira-kira sebulan (selepas pelantikan ini), apa yang saya buat adalah mengadakan temu bincang dengan semua pihak yang berkaitan tiga portfolio Exco yang ditaklifkan ke atas saya.

"Sesi temu bincang ini bersama-sama tokoh tertentu sama ada dari NGO (pertubuhan bukan kerajaan) atau agensi-agensi berkaitan dalam sektor kerajaan dan swasta," jelasnya sambil berkata dalam tempoh 100 hari ini adalah penting untuk membuat perencanaan awal berkaitan tiga portfolio Exco agar selari dengan cita rasa rakyat teramai di negeri Pulau Pinang.

## Lihat hala tuju institusi berkaitan Islam

Bercerita lanjut, Dr. Mohamad memberitahu bahawa sesi temu bincang yang dimaksudkan adalah untuk melihat kembali hala tuju beberapa institusi yang bernaung di bawah Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

Institusi yang dimaksudkan, menurut beliau termasuk Zakat Pulau Pinang, Wakaf Pulau Pinang, KITAB dan Yayasan Islam Pulau Pinang.

Tidak ketinggalan, katanya, adalah melihat perjalanan tiga jabatan kerajaan iaitu Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang.

"Yang terpenting adalah MAINPP…jadi di bawah enakmen MAINPP yang bertanggungjawab adalah jawatan Yang Dipertua (YDP) yang sekarang ini atas perkenan Yang Dipertuan Agong serta cadangan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK), Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman dilantik sehingga tamat tempoh pelantikan pada tahun 2025.

"Setelah saya dilantik sebagai Exco Agama Islam, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin sendiri berhasrat melepaskan jawatan (YDP MAINPP) dan beliau telah menulis surat kepada Yang Dipertuan Agong bahawa peletakan jawatannya berkuat kuasa pada 31 Ogos 2023… perlu menunggu perkenan Yang Dipertuan Agong untuk menerima peletakan jawatan beliau.

"Kerajaan Negeri telah membuat keputusan dalam mesyuarat MMK bahawa YDP MAINPP yang baharu adalah Exco Agama Islam.

"Apabila secara rasminya menjadi YDP MAINPP nanti, baru saya akan berkongsi inti mesyuarat serta hala tuju Majlis serta agensi-agensi di bawah MAINPP," jelasnya lagi dalam nada sederhana.

Tambah Dr. Mohamad, walaupun memegang portfolio Exco Agama Islam, seorang YDP MAINPP akan mempengerusikan Mesyuarat Majlis yang mana Kerajaan Negeri hanya mencadangkan pelantikan sekalian Ahli Majlis berkenaan, sementara mesti diperkenankan oleh Yang Dipertuan Agong.

"InsyaAllah sekiranya diperkenankan nanti, maka sudah pasti saya akan melihat dari sudut ekosistem pentadbiran MAINPP sendiri yang melibatkan agensi-agensi di bawahnya," ulasnya lanjut.

Buletin Mutiara difahamkan bahawa Dr. Mohamad sebelum terjun dalam arena politik kepartian, merupakan ahli akademik selama hampir 23 tahun.

Jawatan akademik terakhir yang pernah dijawatnya menjelang PRN15 lepas adalah Rektor KITAB iaitu kira-kira hampir tiga setengah tahun di institusi milik penuh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Sebelum itu, beliau merupakan Timbalan Naib Canselor Akdemik dan Perantarabangsaan di Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) dekat negeri Kedah serta pernah menjadi ahli akademik di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

"Saya membuat keputusan untuk keluar dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 2015, kira-kira lapan tahun lalu, yang mana sebelum itu latar belakang saya di UKM adalah memegang jawatan pentadbiran tertinggi jua (seperti) Pengarah Pusat Perkembangan di bawah UKM Holdings (Berhad) dan selaku Pengerusi Pengajian *'10 Management'*.

"Saya mengambil opsyen pencen semasa usia 40 tahun untuk terlibat dalam membangunkan sebuah institusi pengajian Islam yang dinamakan sebagai Universiti Islam Malaysia (iaitu) untuk mengaktifkan semula sebuah Kolej Islam Malaya yang ditubuhkan pada tahun 1940-an



DR. Mohamad Abdul Hamid.

dan dihentikan operasinya pada tahun 1969 ekoran memberi laluan kepada penubuhan UKM.

"Jadi, semasa itu, saya 'keluar' dari UKM dan duduk bersama-sama mantan Menteri Agama, Tan Sri Dato' Sri Dr. Yusof Md. Noor bagi menghidupkan semula Kolej Islam Malaya.

"Selepas itu, selama tiga tahun di sana (UniSHAMS), dalam tempoh setahun saya terlibat dalam proses menaik taraf institusi pendidikan itu sampai berjaya menjadi sebuah universiti iaitu UniSHAMS," jelasnya.

Dengan serba sedikit pengalaman pentadbiran semasa menjadi ahli akademik di beberapa institusi pengajian tinggi, Dr. Mohamad berkata bahawa ia menjadi bekalan yang penting sebagai ahli politik dalam memegang jawatan pentadbiran kini.

"Seperti selalu saya katakan, semasa memegang jawatan pentadbiran dalam dunia akademik pun, saya memang berurusan dengan 'orang politik', cuma sekarang ini saya sebagai orang politik masih memegang jawatan pentadbiran juga dan berurusan dengan orang politik serta pelbagai pihak yang ada kepentingan dengan tiga portfolio Exco yang diamanahkan kepada saya," ujarnya sambil berharap dapat berperanan dalam mengukuhkan sokongan rakyat terhadap Kerajaan Perpaduan Pulau Pinang yang ditubuhkan oleh Pakatan Harapan (PH) dan Barisan Nasional (BN).

## Sinergi institusi zakat, wakaf

Tumpuan selepas ini, kata Dr. Mohamad adalah untuk meningkatkan lagi sinergi yang melibatkan institusi-institusi di bawah MAINPP terutama Zakat Pulau Pinang dan Wakaf Pulau Pinang

"Tumpuan saya dalam MAINPP antaranya adalah bagi mewujudkan lagi hubungan sinergi bersama industri wakaf negeri dan institusi kewangan Islam dalam sektor hartanah wakaf.

"Sudah tentu ada kekangan, dari sudut kewangan dan sudut perundangan, yang mana saya akan melihat perkara ini secara mendasar bagi membangunkan potensi umat Islam serta institusi-institusi berkaitan umat Islam ini," ujarnya.

*(Sambungan di muka 14).*




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# Ikrar perkukuhkan lagi agenda GRPB negeri

**PADA** Pilihan Raya Negeri Ke-15 (PRN15) lalu, Lim Siew Khim berjaya mempertahankan kemenangannya bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (KADUN) N.30 Sungai Pinang dengan majoriti 8,288 undi.

Selama menjadi wakil rakyat, Siew Khim dikenali sebagai antara ahli politik wanita lantang dalam isu melibatkan gender terutama yang menyangkut soal kedudukan golongan berkaitan di negeri ini.

Siew Khim mengangkat sumpah terimaan jawatan Exco Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam pada 16 Ogos lepas di depan Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang (TYT), Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak dan isteri dekat Dewan Sri Pinang.

Baru-baru ini, wartawan **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **SITI NURATIKAH RAHMAT** berjaya memburu masa Siew Khim di pejabat dekat Komtar untuk mengetahui perancangan serta wawasan Exco berkenaan.

Memulakan wawancara, Siew Khim menyatakan bahawa sejak penggal pentadbiran PRU14 lagi, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dan mantan Exco sebelum ini, Chong Eng telah berusaha melaksanakan Dasar Keterangkuman Gender.

Di bawah dasar tersebut, beliau berkata bahawa semua ketua jabatan dan agensi Kerajaan Negeri akan berusaha membangunkan kapasiti kelompok sasar, menyediakan pemerolehan Data Mengikut Jantina (SDD) dan Bajet Responsif dan Partisipatori Gender (GRPB) yang mana akan dilaporkan dalam mesyuarat mingguan Exco pada waktu itu.

"Semasa itu, setiap jabatan dan agensi terlibat perlu memastikan perspektif gender dipertimbang dalam setiap perancangan projek, program serta dasar-dasar lain bagi tujuan menggalakkan lagi penyertaan pelbagai pihak.

"Dan, tonggak utama yang menggerakkan GRPB ini sudah tentu adalah PWDC atau Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang.

"Dengan melihat pelbagai usaha serta pencapaian sehingga kini, sudah tentulah pejabat saya akan menganjurkan lebih banyak program dan aktiviti bagi mempromosi lagi GRPB yang mana kita (Kerajaan Perpaduan Negeri Pulau Pinang) mahu semua orang memahami maksud serta tujuan hakiki di sebalik pelaksanaan GRPB ini,'' ujarnya.

Mengulas lanjut, Siew Khim menekankan bahawa perkara yang menjadi salah satu tumpuan beliau sebagai Exco sekarang bukan sahaja untuk melaksanakan maksud dan tujuan hakiki di sebalik GRPB, malah Kerajaan Negeri dan PWDC mahu mendengar idea serta cadangan semua pihak ke arah menjadikan Pulau Pinang negeri yang lebih baik untuk semua gender pada masa hadapan.

> **"Selain itu, Siew Khim berkongsi bahawa perhatiannya juga masih mahu menumpu kepada usaha melahirkan suasana kekeluargaan yang lebih harmoni dan selamat serta tidak mengancam mana-mana isi rumah terutama gender wanita dan juga anak-anak."**
>
> **- LIM Siew Khim**

"Dari soal (cadangan) pemasangan lampu jalan, mengecat semula bangunan lama, membina gelanggang bola keranjang dan sebagainya, semua perkara (yang dicadangkan pada peringkat akar umbi golongan sasar) akan kita ambil peduli secara serius permintaan mereka," jelasnya sambil mengharapkan semua pemegang taruh dalam sektor awam dan swasta dapat saling berganding bahu mahu untuk mengukuhkan lagi pelaksanaan GRPB.

Selain itu, Siew Khim berkongsi bahawa perhatiannya juga masih mahu menumpu kepada usaha melahirkan suasana kekeluargaan yang lebih harmoni dan selamat serta tidak mengancam mana-mana isi rumah terutama gender wanita dan juga anak-anak.



**LIM Siew Khim.**

Menurut beliau, selama kira-kira tiga tahun sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyaksikan kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan kepada pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan PWDC sendiri adalah begitu tinggi.

Sungguhpun ketika ini fasa endemik COVID-19 serta angka kes keganasan rumah tangga tidak lagi setinggi sebelum ini, beliau berkata bahawa pejabatnya masih komited untuk saling bekerjasama dengan semua pihak bagi memastikan iklim keluarga di Pulau Pinang adalah benar-benar harmoni.

"Justeru, kita mahu memberi perhatian lebih khusus mengenai pelaksanaan dasar keluarga selamat melalui inisiatif *'First Support Point'* yang buat pertama kali diluncurkan pada tahun 2021 (iaitu semasa fasa PKP lagi).

"*(First Support Point)* ini penting… apabila sesebuah keluarga itu dijamin beban dari sebarang bentuk keganasan rumah tangga, bukan keluarga itu sahaja menikmati suasana yang lebih bahagia, malah sekali gus menyumbang kepada usaha mencapai Visi Penang2030 dengan tema Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara," ulasnya lanjut.

Siew Khim menambah bahawa setakat ini di Pulau Pinang mempunyai seramai 245 pegawai *'First Support Point'* yang ditempatkan di 50 lokasi termasuk pusat khidmat wakil rakyat (ADUN dan Ahli Parlimen), pejabat daerah dan tanah, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan rumah-rumah ibadat (bukan Islam, RIBI).

"Kita (Pejabat Exco) akan tambah lagi lokasi selepas ini seperti surau, masjid dan pelbagai agensi Kerajaan Negeri supaya mereka (pegawai *'First Support Point'* yang dilantik) boleh memainkan peranan masing-masing.

"Bukan setakat itu sahaja, sebelum ini pun pelbagai bengkel telah dijalankan untuk pegawai dan sukarelawan menerangkan dengan lebih lanjut tentang objektif *'First Support Point'* di samping meningkatkan kemahiran mereka dalam mengendalikan kes keganasan rumah tangga," jelasnya.

Bercakap mengenai usaha mewujudkan iklim kekeluargaan yang lebih harmoni, kata Siew Khim lagi, ia mendorong pejabatnya untuk mempergiatkan usaha pendidikan dan kebajikan anak-anak terutama mereka yang kurang bernasib baik.

"Kita (Kerajaan Negeri) tidak mahu melihat ada kanak-kanak sampai terpaksa berhenti sekolah ataupun terganggu rutin persekolahan mereka disebabkan kemiskinan keluarga.

"Jadi, saya akan berusaha memberi tumpuan kepada aspek kebajikan kanak-kanak yang kurang bernasib baik ini melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Kerajaan Negeri," ujarnya.

Mengakhiri wawancara, Siew Khim menyatakan bahawa pihaknya berharap dapat memperkasakan lagi agenda pembangunan sosial khususnya gender wanita dan kanak-kanak menerusi pendekatan GRPB.

Tidak dilupakan, beliau turut akan melihat dasar-dasar berkaitan mengenai portfolio Hal Ehwal Bukan Islam, mengikut keperluan semasa pada peringkat akar umbi ketika ini.

# Bencana dan krisis matangkan diri

## integriti dorong laksana tugas dengan sempurna

**TRAGEDI** kebakaran di Tapak Pelupusan Sampah (TPS) Pulau Burung dekat Jalan Byram pada 12 Januari 2022, memberi pengalaman paling bermakna dan tidak dapat dilupakan seumur hidup buat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, **JASON H'NG MOOI LYE**.

Lebih kurang 28 ekar atau kira-kira 35 peratus daripada luas keseluruhan tapak tersebut telah terbakar dan memberi kesan secara langsung kepada penduduk di dua kawasan perumahan terdekat iaitu Ladang Byram dan Kampung Kebun Baru.

Tidak menafikan, Mooi Lye memberitahu bahawa beliau menghabiskan banyak masa di tapak berkenaan dan kawasan perumahan berdekatan kerana bimbang akan keselamatan penduduk.

Manakan tidak, dek kerana kebakaran yang berlanjutan selama dua minggu itu, Majlis Keselamatan Negara (MKN) mengisytiharkan kawasan tersebut sebagai kawasan bencana Tahap 1.

Justeru, penduduk di dua kampung berdekatan tapak pelupusan sampah itu telah diarahkan berpindah ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) rentetan pemantauan julat kualiti pencemaran udara yang dilakukan mendapati bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) yang tinggi.

Wartawan Buletin Mutiara, **AINUL WARDAH SOHILLI** bersama-sama jurugambar, **ALISSALA THIAN** sempat menemu bual anak kelahiran Sungai Bakap itu.

Menyorot peristiwa, Mooi Lye berkata beliau tidak menang tangan apabila menerima panggilan tanpa henti.

"Ketika itu, saya berdepan banyak aduan dan sebagai ADUN di kawasan terjejas, saya memang (berasa) kesian melihat penduduk yang terpaksa menghidu bau busuk asap kebakaran.

"Begitu juga dengan pelajar-pelajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Byram yang tidak dapat meneruskan persekolahan buat sementara waktu.

"Sebulan juga saya di sana, bukan sahaja untuk membantu penduduk, tetapi juga memantau dan melaporkan dari masa ke masa keadaan di kawasan tersebut kepada Ketua Menteri," ceritanya.

### Di sebalik pandemik dan bencana, menyatukan rakyat

Menurut Mooi Lye, selain insiden kebakaran, beliau turut berdepan beberapa siri krisis antaranya jangkitan penyakit demam babi Afrika atau '*African Swine Fever*' (ASF), pandemik COVID-19 dan banjir besar yang berlaku pada tahun 2017.



**JASON H'ng Mooi Lye.**

"Kes jangkitan ASF yang berlaku sejak awal tahun ini adalah di Sungai Bakap, namun Jawi tetap terkesan kerana berjiran sahaja.

"Semasa pandemik COVID-19 yang berlaku pada Mac 2020, sekali lagi saya berdepan detik paling berharga dalam hidup," katanya.

Di Jawi, Mooi Lye menyatakan bahawa pihaknya menubuhkan sebuah pasukan khas dikenali sebagai Pasukan Tindakan Cegah COVID-19 Jawi yang dipimpin oleh kepimpinan tempatan.

"Berpegang kepada prinsip *'We Care, We Listen, We Serve'*, soal kebajikan dan kesejahteraan sentiasa menjadi keutamaan yang mana jika sesiapa yang memerlukan bantuan dari segi keperluan harian, kaunseling, makanan dan perubatan, kami bantu.

"Ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ramai lagi yang terjejas, bukan sahaja dari segi kesihatan tetapi juga pendapatan dan pasukan saya bertindak bekerjasama dengan pihak-pihak yang boleh membantu termasuk badan-badan bukan kerajaan (NGO).

"Bukan itu sahaja, saya juga ada membelikan dua buah meja pingpong untuk Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) di Pusat Kecemerlangan MARA (MEC) bagi mereka di pusat berkenaan beriadah.

"Walaupun sedih apabila melihat ramai yang dalam kesusahan semasa pandemik tetapi pada masa sama saya sangat gembira apabila melihat rakyat Pulau Pinang khasnya di Jawi saling bantu membantu.

"Saya melihat sendiri bagaimana bencana dan krisis seperti pandemik COVID-19 telah menyatupadukan rakyat berbilang bangsa di Pulau Pinang," jelasnya yang mengakui bahawa cabaran-cabaran yang dihadapi mendorong beliau untuk terus komited berkhidmat.

### Integriti, hala tuju lima tahun

Berpengalaman sebagai ahli perniagaan dalam industri ternakan unggas pada usia muda dan pernah menjawat jawatan sebagai Ahli Majlis di Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pada 2013, banyak memberi peluang kepada beliau menyelami pengalaman sebenar berurusan dengan orang awam.

Mulanya agak canggung, namun Mooi Lye sahut cabaran dan belajar mematangkan diri melalui perkara-perkara baharu setiap hari.

"Saya suka belajar sesuatu yang baharu dan cuba untuk memahami sesuatu perkara yang dilakukan termasuklah ketika menjadi Ahli Majlis dan kini sebagai Exco Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa.

"Saya akan meluangkan masa untuk memahami dan tidak hanya bergantung kepada orang lain semata-mata," ujarnya yang sedikit terkejut apabila diberi kepercayaan untuk memegang tampuk dua portfolio penting iaitu Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa.

Ditanya sama ada tanggungjawab baharu yang digalas berat, Mooi Lye memberitahu bahawa beliau bersedia dan akan berusaha untuk melakukan yang terbaik.

"Sebelum ini, semasa menjadi Ahli Majlis pun saya memegang portfolio yang berat iaitu Urusetia Pusat Setempat (OSC) banyak saya pelajari terutama daripada mantan Datuk Bandar, Dato' Seri Maimunah Mohd. Shariff.

"Tidak ada satu perkara di dunia boleh dianggap mudah, semuanya memerlukan daya usaha dan setiap sesuatu ada rintangannya," responnya yang bakal menggunakan pengalaman sebelum ini sebagai kekuatan untuk melaksanakan tanggungjawab.

Paling utama, kata beliau, adalah integriti yang terbukti mampu mendorong seseorang individu itu menyempurnakan apa-apa juga tugas dengan lebih teratur dan terperinci mengikut ruang masa yang relevan.

"Saya berharap semua pegawai sama ada di bawah portfolio saya perlu memegang prinsip integriti jika tidak banyak perkara yang tidak seharusnya berlaku akan terjadi," ulasnya lanjut.

Sebelum mengakhiri perbualan, Buletin Mutiara ada bertanyakan sasaran pencapaian untuk tempoh lima tahun ini sebagai Exco, Mooi Lye memaklumkan bahawa beliau mahu memastikan TPS Pulau Burung dan juga TPS Jelutong mempunyai operator baharu yang berwibawa.

"Bukan sahaja dari segi kemampuan teknologi dan pengalaman tetapi juga latar belakang kewangan kukuh untuk membolehkan pengoperasian tapak pelupusan sampah yang efisien," katanya yang juga menetapkan beberapa hala tuju utama untuk portfolio yang digalas kini.

*(Sambungan dari muka 1).*

# HARAP operasi SAR dapat diteruskan



**SEMANGAT dan sokongan yang diberikan kepada keluarga.**

"Chakera iaitu malim gunung kepada (Muhammad) Hawari memberitahu bahawa beliau telah sampai ke puncak (Everest), 2.30 (pagi waktu tempatan) Muhammad Hawari telah sampai dan balik ke Kem 4 (pada ketinggian) 8,000 meter.

"Pada saat itulah ada komunikasi antara Chakera dan (Muhammad) Hawari yang mana (Muhammad) Hawari mesti dah pintas (Allahyarham) Tuan Awang (Askandar Ampuan Yaacub), baru boleh sampai kembali ke Kem 4, khemah tempat mereka (Muhammad Hawari dan Allahyarham Awang) macam padang bola sepak, hanya ada khemah untuk rehat.

"Semasa (empat) malim hujung di atas dan di Kem 4 saling tukar masa tugasan, semasa itulah mereka sedar yang (Muhammad) Hawari tidak ada di khemah tempat dia rehat serta tidur, dan mulalah mereka periksa Kem 4 satu persatu khemah.



**HARYANY Mohamad (kanan sekali) menyampaikan sumbangan kepada isteri Muhammad Hawari, Safiyyah Tang Xie Li (tengah).**

"Macam sekarang ini, kita ada kekangan (untuk melakukan SAR) sebab di luar musim yang dibenarkan (untuk sebarang aktiviti di puncak Everest)," ujarnya dalam perkongsian naratif hampir setengah jam.

Tambah Azim Afif, pada musim luruh akan datang selama tiga bulan bermula April tahun depan, diharap operasi SAR selanjutnya bagi menjejaki Muhammad Hawari dapat diteruskan.

"Kes hilang mengambil masa tujuh tahun sebelum diisytiharkan 'tiada', dan segala urusan berkaitan hanya dapat dilakukan selepas tujuh tahun kerana sebelum ini ada kes selepas tujuh tahun orang hilang ditemui, termasuk di pergunungan Everest.

"Macam saya kata, kita (SAR) tak letak suatu harapan yang tinggi, ikut adat untuk bertahan hidup pada ketinggian 8,000 meter adalah tipis, tetapi siapa boleh jangka kekuasaan dan ketentuan Allah S.W.T.

"Semoga (Muhammad) Hawari dilindungi dan dipelihara, sebab sehingga kini kita tidak berjaya jejak (Muhammad) Hawari…dalam keadaan apa pun (Muhammad) Hawari, kita harap akan dapat menemui dia (pada SAR akan datang) tahun depan,'' ulasnya.

Mengulas lanjut, Azim Afif menyatakan bahawa hari ini terbukti bahawa Muhammad Hawari telah berjaya menawan puncak Everest.

"Bukan sahaja untuk dirinya, malah beliau merupakan OKU (orang kurang upaya) pekak pertama Malaysia berjaya ke puncak Everest, juga OKU pekak pertama di Asia Tenggara dan juga OKU pekak kedua dunia yang berjaya sampai ke puncak Everest," katanya sambil berharap pihak berwajib membukukan kejayaan Muhammad Hawari tersebut.


TERUBONG AVENUE

Potensi • Unik • Luar Biasa







LOKASI KATAKAN SEGALA-GALANYA

5% Diskaun untuk Bumiputera

*Terletak secara stretegik di salah satu perbandaran yang paling utama dan mantap di Pulau Pinang*

*Alami gaya perniagaan baharu dengan kedai komersial dua hadapan*

PEGANGAN PAJAKAN 99 TAHUN

**Keluasan Binaan**
2,422 k.p.s (min)
3,305 k.p.s (mak)

60 Unit Kedai Pejabat & 1 Unit Kafetaria

**Harga Jualan**
**RM1,458,000.00** (min)
*(Tingkat Bawah - RM885,000 • Tingkat Satu - RM573,000)*
**RM4,000,000.00** (mak)

Pemaju:
PCSB
**PATSIFIT CONSTRUCTION SDN BHD** (254913-W)
16E- Tingkat 1, Lebuhraya Thean Teik, 11500 Ayer Itam, Pulau Pinang.
**Tel:** 04-828 8733 / 012-499 3924 **Fax:** 04-8265602
**Email:** venicebuild.inquiry@gmail.com

No.Kelulusan Pelan Bangunan: MBPP/ILCS-OSC/PB 1651/2022 • Pihak Berkuasa Yang Meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Bandaraya Pulau Pinang • Tarikh Dijangka Siap: 30/4/2024

*Semua lukisan dan ilustrasi di sini adalah tanggapan pelukis sahaja. Semua pelan, ukuran spesifikasi dan maklumat yang terkandung di sini adalah tertakluk kepada variasi, pindaan dan perubahan yang mungkin diperlukan oleh pihak berkuasa berkaitan atau arkitek projek tanpa pemberitahuan terlebih dahulu untuk pembelian dan tidak boleh membentuk sebahagian daripada tawaran atau kontrak. Terma dan syarat dikenakan.*

# Bangunkan skim rumah belia dan bujang

Oleh : **NUR ASHIKIN ISMAIL**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN –** Individu yang memohon rumah mampu milik melalui Sistem Maklumat Perumahan (SMP) sebelum tahun 2020 dipelawa untuk mengemas kini permohonan masing-masing.

Exco Perumahan dan Alam Sekitar, Dato' Seri S. Sundarajoo berkata bahawa pengemaskinian permohonan adalah perlu dibuat setiap tempoh tiga tahun.



**S. Sundarajoo**

"Mana-mana permohonan yang dibuat sebelum tahun 2020 perlu segera dikemas kini dalam sistem (SMP) jika berlaku perubahan terhadap status perkahwinan atau pendapatan," ujarnya semasa sesi sidang media mengenai hala tuju polisi dan dasar perumahan di sini pada 19 September 2023.

Difahamkan, sehingga 31 Ogos 2023, terdapat 43,260 permohonan direkodkan melalui SMP yang mana sejak 1 September 2022, Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) telah melancarkan kempen bagi menggalakkan pemohon berdaftar secara dalam talian selaras dengan Visi Penang2030.

Menurut Sundarajoo lagi, pemohon 'lama' boleh mula membuat pengemaskinian data dalam sistem secara dalam talian bagi memudahkan proses penawaran dilakukan.

"Mesyuarat Jawatankuasa Prestasi dan Pencapaian Perumahan atau *Housing Outcome Performance Committee* (HOPE) Bilangan 1 Tahun 2023 yang diadakan pada 14 September lalu telah membangkitkan perkara ini.

"Malah, mesyuarat ini juga bakal diadakan setiap bulan bagi memperhalusi dan merangka jumlah permohonan yang didapati (bagi proses penawaran) mengikut tatacara yang telah ditetapkan.

"Oleh itu, diharapkan semua pemohon berupaya mengemas kini permohonan secara dalam talian dan menunggu tibanya giliran penawaran secara automatik.

"Pengemaskinian ini juga merupakan merit yang digunakan untuk menjadikan pendaftaran dalam SMP kekal aktif," katanya.

Berdasarkan rekod LPNPP, sebanyak 915 pemilihan telah dijalankan semasa mesyuarat tersebut membabitkan pemilihan sebanyak 404 unit Rumah Mampu Milik (RMM) Jenis A (RMM A), RMM B (81) dan RMM C (430) melibatkan skim-skim perumahan di kelima-lima daerah di negeri ini.

Terdahulu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai itu memaklumkan bahawa pihaknya akan bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan untuk membangunkan skim perumahan untuk golongan belia dan bujang.

"Sebagai kesinambungan pelaksanaan terhadap Manifesto Perpaduan Pulau Pinang 2023 di bawah Tema Utama Memperkasakan Golongan Wanita dan Belia, Skim Perumahan Sewa Khas akan diperkenalkan bagi golongan belia dan bujang.

"Selain itu, melalui Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kota Giam pula, unit-unit kediaman hanya ditawarkan kepada pemohon berkeluarga.

"(Dan) bagi pelbagai golongan sasar Skim Rumah Mampu Milik B40 bakal ditawarkan pada harga RM100,000 hingga RM150,000 selaras dengan tema utama Perumahan Untuk Semua," jelasnya lanjut.

Pengurus Besar LPNPP, 'Ainul Fadhilah Samsudi; Ketua Pegawai Bisnes LPNPP Fakhurrazi Ibnu Omar dan Ketua Pegawai Operasi LPNPP, Mohd. Fauzy Mohd. Yusoff antara yang turut hadir pada sidang media berkaitan di sini.

ECO HORIZON
CAMDON
COLLECTION

EcoWorld mempersembahkan Koleksi Camdon di Eco Horizon - pembangunan seluas 45 ekar yang berpagar dan berkawal di bandar satelit Batu Kawan, Pulau Pinang.

Harga Minima : RM552,045.00
Harga Maksima : RM1,339,500.00
(Harga selepas bumiputera diskaun)

Unit Bumiputra kini dibuka untuk jualan dengan diskaun 5%.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi 04 227 2255




Rumah Bandar | Nama Pembangunan: ECO HORIZON SDN. BHD. (Dahulunya dikenali sebagai Teraju Pasifik Sdn. Bhd.)(1082988-W) | Galeri Jualan: PT 21145, Mukim 13, Lebuh Bandar Cassia, 14110 Bandar Cassia, Pulau Pinang | No. Lesen Pemaju: 19152-6/01-2024/35 (L) | Tempoh Sah: 06/02/2021 – 05/02/2023 | No. Permit Iklan dan Jualan: 19152-7/06-2025/0043(NS)-(S) | Tempoh Sah: 07/06/2022 – 06/06/2025 | Hak Milik Tanah: Pegangan Kekal | Bebanan Tanah: Public Investment Bank Berhad (20027-W) | Diluluskan Oleh: Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) | No. Rujukan Pelan Bangunan: MBSP/40/20-73/70 | Tarikh Dijangka Siap: Jun 2025 | Jenis Pembangunan: Rumah Bandar, Jenis Type B, Type C dan Type E, Jumlah Unit: 235, Keluasan Binaan: Minimum: 904 kaki persegi, Maksimum: 1,313 kaki persegi. Harga Minimum: RM 581,100.00, Harga Maksimum: RM 1,084,200.00. Rumah Teres | Nama Pembangunan: ECO HORIZON SDN. BHD. (Dahulunya dikenali sebagai Teraju Pasifik Sdn. Bhd.)(1082988-W) | Galeri Jualan: PT 21145, Mukim 13, Lebuh Bandar Cassia, 14110 Bandar Cassia, Pulau Pinang | No. Lesen Pemaju: 19152/01-2024/35(A) | Tempoh Sah: 13/01/2022 – 12/01/2024 | No. Permit Iklan dan Jualan: 19152-8/11-2025/0287(N)-(S) | Tempoh Sah: 02/11/2022 – 01/11/2025 | Hak Milik Tanah: Pegangan Kekal | Bebanan Tanah: Public Investment Bank Berhad (20027-W) | Diluluskan Oleh: Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) | No. Rujukan Pelan Bangunan: MBSP/40/20-73/89 | Tarikh Dijangka Siap: November 2025 | Jenis Pembangunan: Rumah Teres, Jenis GHE dan GHF, Jumlah Unit: 114, Keluasan Binaan: Minimum: 1722 kaki persegi, Maksimum: 1,754 kaki persegi. Harga Minimum: RM 1,051,200, Harga Maksimum: RM 1,410,000.00. Sekatan-Sekatan Kepentingan: Tidak | Diskaun Bumiputera: 5%. | Kesemua ilustrasi adalah tanggapan artis sahaja. Pihak pemaju berhak mengubahsuai mana-mana bahagian bangunan, pembangunan dan/atau mana-mana unit sebelum siap seperti yang diperlukan oleh perunding pemaju dan/atau pihak berkuasa yang relevan. Sementara semua langkah yang wajar telah diambil dalam menyediakan informasi ini, pihak pemaju tidak boleh dipertanggungjawabkan di atas apa-apa variasi atau ketidaktelitian.

A Joint Development By
ECOWORLD
CREATING TOMORROW & BEYOND
KWSP EPF

# Harap projek pembangunan semula berjaya direalisasi

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**ISU** yang membelenggu lebih 289 keluarga di Kampung Manis dekat sini dilihat hampir menemui titik noktah apabila Exco Perumahan dan Alam Sekitar, Dato' Seri S. Sundarajoo menyatakan komitmen untuk membangunkan semula kampung tersebut.

Ketika ditemui Buletin Mutiara, rata-rata mereka meluahkan harapan agar projek pembangunan semula yang dirancangkan tersebut dapat direalisasikan secepat mungkin sekali gus memberikan kehidupan baru kepada penduduk di situ.

**MUHAMAD ASYRAF**, 31, yang telah menetap di Kampung Manis sejak 16 tahun lalu menyokong penuh rancangan pembangunan semula tersebut yang dilihat mampu menyediakan persekitaran yang lebih baik untuk penduduk setempat.

Walau bagaimanapun kata beliau, pembangunan yang dirancangkan tersebut haruslah memberikan manfaat secara langsung kepada penduduk seperti dibekalkan sebuah unit rumah secara percuma.

"Kami menerima cadangan (pembangunan semula) secara sebulat suara tetapi dengan bersyarat iaitu kami perlu diberikan seunit rumah secara percuma bagi menggantikan rumah sedia ada.

"Ini kerana kebanyakan penduduk sudah tinggal lama di sini yang mana ada di antara kami telah menetap lebih 70 tahun jadi kami amat mengharapkan perkara itu," katanya sambil berharap agar pihak Perbadanan Aset Keretapi (RAC) dapat bertolak ansur dengan penduduk di situ.

Harapan sama turut diluahkan **K. SANTHADEVI**, 48, yang telah menetap di Kampung Manis sejak 50 tahun lalu.



K. Santhadevi.

Beliau yang merupakan suri rumah sepenuh masa berkata bahawa persekitaran Kampung Manis yang sangat daif dan serba kekurangan dari segi fasiliti sememangnya memerlukan pembangunan semula demi kebaikan penduduk.

"Kami memang ada mendengar ura-ura mengenai projek pembangunan semula ini dan kami sememangnya setuju kerana dijanjikan sebuah rumah secara percuma.

"Lagipun, sudah banyak kali pihak berkaitan menghantar notis yang mengarahkan supaya kami berpindah dan sekiranya projek pembangunan semula tersebut dapat direalisasikan, kami penduduk memang berasa sangat lega," katanya.

Santhadevi berkata, keadaan Kampung Manis yang serba kekurangan terutamanya dari segi sistem saliran menyebabkan penduduk kerap berdepan masalah banjir kilat sekiranya berlaku hujan lebat.

"Bukan sahaja masalah banjir, kami juga sering berdepan dengan ancaman binatang berbisa seperti ular, kala jengking dan lain-lain terutamanya ketika cuaca hujan.

"Penempatan ini memang sudah lama jadi kami memang mengalu-alukan hasrat Kerajaan Negeri untuk membangunkan semula kawasan ini," ujarnya lanjut.



SAMSUL Bariah.



SAAD Ibrahim.

**SAMSUL BARIAH**, 70 tahun dan abang iparnya, **SAAD IBRAHIM**, 75, pula menyifatkan projek pembangunan semula sebagaimana dirancangkan mampu memberikan kehidupan baru yang lebih baik buat penduduk Kampung Manis sekiranya berjaya direalisasikan.

Samsul menyatakan bahawa kebanyakan rumah di kawasan tersebut telah berusia lebih 75 tahun dan mengalami pelbagai masalah seperti dinding telah mereput serta kebocoran pada struktur bumbung.

*(Sambungan di muka 9).*



**LALUAN** yang sempit antara masalah dihadapi penduduk Kampung Manis, Perai.



# Inisiatif pendigitalan mampu respons pesawah


PEMBAJAK sawah berkuasa tinggi yang digunakan.

**PERUBAHAN** iklim dan bencana alam seperti kemarau yang melampau, kekurangan air serta banjir besar yang kerap berlaku mutakhir ini dikhuatiri akan mencetuskan gelombang krisis makanan pada masa akan datang.

Malaysia yang merupakan antara negara pengimport makanan bernilai kira-kira RM55 bilion setiap tahun dilihat belum bersedia sepenuhnya untuk berdepan gelombang krisis makanan khususnya yang merentasi pasaran global.

Kerajaan Persekutuan menerusi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah merangka pelan jangka pendek, sederhana dan panjang dalam usaha menangani isu keterjaminan makanan di negara ini.

Di negeri Pulau Pinang, aspek keselamatan makanan turut diberikan tumpuan oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan rakyat negeri ini memperoleh bekalan makanan yang selamat, mencukupi dan bersih.

Terbaru, Kerajaan Negeri menerusi Exco Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi mengambil inisiatif untuk menggerakkan sektor pertanian negeri ke arah digitalisasi.

Oleh itu, wartawan Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** dan jurugambar, **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** berkesempatan menemui beberapa orang pesawah di sekitar Penaga untuk mengetahui kesediaan dan penerima mereka terhadap hasrat tersebut.

## Tingkat teknologi saliran

**MOHD. YUSRI MUSTAFA**, 44, berkata hasrat Kerajaan Negeri untuk memperkasakan lagi sektor pertanian negeri melalui pendigitalan wajar disambut baik dalam usaha meningkatkan lagi pengeluaran hasil pertanian khususnya padi.

Kata beliau, Pulau Pinang merupakan negeri pengeluar hasil purata padi paling tinggi berbanding negeri-negeri lain pada setiap tahun dan penggunaan teknologi yang lebih canggih dilihat mampu meningkatkan lagi hasil pertanian.


MOHD. Yusri Mustafa.

"Sekarang pun kebanyakan pesawah di sini (Penaga) sudah menggunakan peralatan moden yang berteknologi tinggi untuk mengusahakan tanah sawah seperti penggunaan dron untuk meracun dan traktor pembajak melebih 100 kuasa kuda.

"Sebab itulah kalau kita lihat hasil pertanian sekitar Penaga lebih tinggi iaitu melebihi hasil yang diperoleh di Sekincan, Selangor.

"Namun, jika ditanya teknologi bagaimana yang kami perlukan sudah tentulah yang berkaitan dengan pengurusan sistem pengairan dan saliran di kawasan sawah padi kerana air merupakan elemen paling penting dalam penanaman padi.

"Kami memang berdepan masalah dari segi saliran air… setiap hari kami terpaksa pam sendiri air ke tanah sawah untuk memastikan hasil padi tidak merosot dengan teruk.

"Dulu semasa keadaan cuaca elok kami mampu keluarkan hasil sehingga 70 tan tetapi merosot kepada 40 tan sahaja," katanya yang juga Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Guar Kepah.

Walau bagaimanapun, Mohd. Yusri mencadangkan supaya penggunaan teknologi yang lebih canggih perlu ditumpukan di tanah sawah yang bermasalah seperti di Permatang Keriang dekat Pasir Gebu.

## Kenaikan harga anak benih dan serangan penyakit

Sementara itu, **LEE HONG WAI**, 61, menyatakan bahawa penggunaan teknologi lebih canggih adalah amat penting untuk berdepan dengan perubahan iklim yang sedang berlaku hari ini.

Kata beliau, keadaan cuaca yang tidak menentu ketika ini telah menyebabkan hasil tuaian padi semakin merosot hampir separuh berbanding musim sebelumnya.

"Sebenarnya kami berdepan masalah kemerosotan hasil pengeluaran padi dan keadaan ini berterusan selama tiga musim. Kalau dulu kami berjaya menuai kira-kira 50 tan padi setiap musim kini kami hanya memperoleh antara 25 hingga 30 tan sahaja.


LEE Hong Wai.

"Oleh itu, kami menyambut baik inisiatif pendigitalan yang diusahakan oleh Kerajaan Negeri sekiranya kaedah tersebut mampu meningkatkan lagi hasil pengeluaran padi terutamanya ketika cuaca tidak menentu seperti sekarang ini," ujarnya yang lebih mesra disapa sebagai 'Jepun' oleh penduduk tempatan.

Hong Wai menyatakan bahawa selain faktor cuaca, kualiti benih padi yang kurang memuaskan turut menjejaskan hasil pengeluaran padi di negeri ini.

"Bukan sahaja kurang berkualiti, malah harga anak benih padi juga telah meningkat dengan begitu ketara ekoran kekurangan bekalan anak benih ketika ini.

"Justeru, kerajaan perlu memikirkan cara untuk meningkatkan mutu anak benih padi agar setanding dengan benih padi yang dikeluarkan oleh negara jiran kita seperti Thailand dan Indonesia.

"Selain anak benih, harga racun untuk tanaman padi juga semakin meningkat sedangkan hasil yang kami peroleh semakin merosot dan keadaan ini menjadi bebanan kepada pesawah," ujarnya sambil menambah bahawa ada pesawah yang hanya mampu menghasilkan sekitar sembilan tan padi sahaja untuk lebih dua hektar sawah yang diusahakannya berbanding 19 tan sebelum ini.

Tambahnya, pengeluaran hasil pada pada musim ini turut berkurangan antaranya disebabkan serangan penyakit dan serangga yang telah merosakkan tanaman padi.

"Saya terpaksa mengeluarkan belanja lebih banyak berbanding musim-musim sebelum ini untuk membeli pelbagai jenis racun bagi mengawal ancaman penyakit dan serangga tetapi adakalanya kurang berkesan," jelas Hong Wai.

# tingkat produktiviti,

Sambil menyambut baik inisiatif pendigitalan sektor pertanian, **NG TONG PUI**, 56, memberitahu bahawa dengan peningkatan harga benih dan racun padi menyebabkan kebanyakan pesawah kini terbeban.

Oleh itu, beliau mencadangkan supaya kerajaan menyalurkan subsidi khas kepada pesawah bagi mengurangkan beban mereka dalam menghadapi kenaikan tersebut.

"Inisiatif pendigitalan itu bagus tetapi pada masa sama kerajaan juga perlu berikan tumpuan kepada beberapa masalah lain yang dihadapi oleh pesawah ketika ini sekiranya kerajaan benar-benar mahu meningkatkan hasil keluaran padi negara.

"Baru-baru ini kerajaan mengumumkan peningkatan pemberian subsidi kepada pesawah tetapi kami terlepas bantuan tersebut kerana kami menuai padi awal sebelum pengumuman itu dibuat.

"Jadi sekiranya tidak keberatan kami mohon agar kerajaan membenarkan kami menuntut semula pemberian subsidi tersebut bagi meringankan beban kami ketika ini," ulasnya.



NG Tong Pui.



DRON yang digunakan oleh pesawah untuk meracun padi.

*(Sambungan dari muka 7).*

# Persekitaran lebih baik buat penduduk

"Lihat sendiri rumah kami, bumbung banyak sudah bocor menyebabkan kami tidak ada tempat hendak tidur apabila hari hujan kerana lantai akan basah.

"Keadaan ini sudah berterusan sejak lapan tahun lalu selepas suami saya meninggal dunia, sejak itu dan kami sekeluarga hilang mata pencarian dan tidak mempunyai sumber kewangan untuk membaiki rumah yang rosak ini," ulasnya sambil mengharapkan sedikit bantuan bagi membaik pulih bumbung daripada wakil rakyat setempat.

Sementara itu, **M. RAJAM**, 67, yang telah menetap di Kampung Manis sejak lahir meluahkan rasa gembira sekiranya projek pembangunan semula tersebut dilaksanakan dengan jayanya.

